

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

YUP 405 - Perhubungan Awam

Masa: [3 jam]

---

Jawab EMPAT soalan.

1. "Perhubungan Awam wujud hanya untuk 'menjinakkan' pihak akhbar yang agresif".

Berikan hujah-hujah yang menyokong dan yang tidak menyokong kenyataan tersebut.

(25 markah)

2. Daripada kajian-kajian kes yang telah dipelajari oleh anda, berikan satu masalah komunikasi yang khusus bagi sebuah negara yang bermasyarakat majmuk. Nyatakan secara terperinci pendekatan-pendekatan Perhubungan Awam yang boleh digunakan apabila masalah ini dihadapi dan yang membantu mengelak/mengatasinya. Berikan contoh-contoh daripada kajian kes yang telah dipelajari oleh anda.

(25 markah)

3. "Perhubungan Awam tidak dapat dibezakan daripada Propaganda". Bincang dan berikan ulasan mengenai kenyataan tersebut.

(25 markah)

4. Bincangkan, dengan menggunakan contoh-contoh daripada kajian kes, kedua-dua perkara berikut:

(a) Peranan komunikasi simbolik dalam sebuah kempen Perhubungan Awam.

(b) Peranan sebuah kenyataan kes dalam sebuah kempen Perhubungan Awam untuk mengutip derma.

(25 markah)

...2/-

5. Di antara kes-kes yang telah dipelajari oleh anda, pilih satu kes yang paling jelas menggambarkan satu daripada perkara berikut:

(a) Krisis Perhubungan Awam,

ATAU

(b) Pendekatan Pelbagai Media.

Anda hendaklah menyokong pilihan anda dengan menunjukkan bagaimana kes yang dipilih dan bukannya kes-kes lain merupakan contoh terbaik bagi jenis Perhubungan Awam atau pendekatan itu.

(25 markah)

6. Pilih satu dilema etika yang dihadapi oleh pengamal Perhubungan Awam. Bincangkan bagaimana anda dapat menyelesaikan dilema tersebut sekiranya anda menghadapinya.

(25 markah)

7. Tuliskan nota-nota ringkas mengenai setiap konsep berikut:

(a) Audit komunikasi dan bagaimana ia boleh digunakan dalam perancangan Perhubungan Awam.

(b) Segmentasi Sasaran dan gambarkan bagaimana ia boleh digunakan dalam perancangan Perhubungan Awam.

(c) Bagaimana prinsip-prinsip homofili boleh diterapkan dalam Perhubungan Awam.

(25 markah)